

KONFLIK MELAYU PATANI DENGAN PIHAK BERKUASA THAILAND: KAJIAN STRATEGI RETORIK DALAM LAMAN SESAWANG

(Malay Pattani Conflicts with Thailand Authority: A Rhetoric Strategic Review of Web Sites)

Sohaimi Abdul Aziz

soaazz@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Tel.:+604-6536042

Abstrak

Konflik politik antara Melayu Patani dengan kerajaan Siam-Thai (Thailand) telah bermula semenjak abad ke-16 lagi. Dasar “siamisasi” telah menyemarakkan lagi konflik politik ini. Konflik ini berlanjutan dengan beberapa pendekatan untuk menyelesaiannya sama ada secara bersenjata ataupun melalui perundingan oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat tetapi masih gagal. Kaedah penyelesaian sentiasa berubah mengikut tuntutan keadaan dan masa. Pada hari ini konflik berkenaan memasuki era media baharu yang lebih terbuka. Media baharu ini menjadi alat untuk menyuarakan pandangan mereka tentang konflik politik yang terjadi. Tujuan kajian adalah untuk meneliti bagaimana media baharu dimanfaatkan untuk menyuarakan pandangan mereka tentang konflik yang terjadi dan apakah strategi yang digunakan untuk mempengaruhi masyarakat yang rencam dan luas itu? Kajian ini merupakan kajian sesawang yang berasaskan analisis tekstual yang menggunakan analisis diskursif dan retorikal, serta budaya. Kajian ini mendapati bahawa pandangan yang berkaitan dengan sejarah, kekejaman, kematian, kebencian dan kemusnahan ekonomi dan sosial kesan daripada konflik yang terjadi mendapat tempat dalam laman sesawang dan laman blog yang dikaji. Strategi retorik patos, etos dan logos telah digunakan untuk mengemukakan pandangan mereka tentang konflik politik antara Melayu Patani dengan pihak berkuasa Siam-Thai.

kata kunci: konflik politik, Melayu Patani, kajian laman sesawang, strategi retorik

Abstract

Political conflict between the Pattani Malays and the Thai government dates back to the 16th century. The “siamisation” policy intensified this conflict. Since then, despite several attempts to resolve this situation, whether through military action or negotiation, have been made and yet all efforts to end this conflict have failed. The approaches to end the conflict have undergone modifications in line with the demands of time and circumstance. Today, the conflict has entered a new phase whereby the new media has become a mechanism for both parties to give their views on the conflict. What are the issues being discussed in the new media? What are the strategies used to influence this wide and varied audience? This research is based on web studies, i.e. a textual analysis combining discursive and rhetorical as well as cultural analysis. The study finds that views concerning history, violence, death, hatred, and economic as well as social destruction as a result of the conflict are aired on the websites and blogs studied in this research. Views concerning the political conflict between the Pattani Malays and the Thai authorities are presented using the rhetorical strategies employing the rhetorical devices pathos, ethos and logos.

Keywords: political conflict; Pattani Malays; web studies; rhetorical strategies

PENDAHULUAN

Negeri Patani pada waktu dahulu meliputi kawasan geografi selatan Thailand. Pada hari ini kawasan tersebut meliputi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian Songkhla. Patani merupakan negeri yang telah menarik perhatian antarabangsa semenjak abad ke-16 lagi, iaitu pada zaman pemerintahan raja perempuan Patani dan sehingga hari ini. Patani kini dikenali sebagai wilayah selatan Thailand dalam lensa antarabangsa.

Pada abad ke-16, Patani menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa kerana faktor geografinya yang menjadikannya pusat perdagangan maritim antarabangsa. Selain itu, iklim politiknya aman serta sistem pentadbirannya yang cekap telah meyakinkan para pedagang antarabangsa untuk berurus di situ. Perkembangan agama Islam pula, yang mula bertapak semenjak abad ke-14, telah menjadikan Patani pusat kegiatan perkembangan Islam di Asia Tenggara. Patani pada waktu itu menjadi pusat pertumbuhan dan rujukan kebudayaan Melayu di Asia Tenggara. Semenjak abad ke-17 yang lalu, ketika pemerintahan Raja Kuning (1635-1686), sehingga hari ini, Patani menjadi medan pergolakan politik yang tidak berkesudahan. Patani gemilang dalam pemerintahan raja-raja perempuan, khususnya Raja Hijau (1584-1616) apabila negeri Patani memperluas kekuasaannya terhadap negeri di Pantai

Timur Semenanjung Tanah Melayu dan mengadakan hubungan antarabangsa dengan pelbagai negara dalam konteks perdagangan dan perniagaan. Selepas kemangkatan Raja Kuning keadaan politik Patani menjadi tidak menentu, lebih-lebih lagi dengan berlakunya krisis pemerintahan Patani akibat tidak mempunyai keturunan raja yang tetap (Ibrahim, 2002). Dengan kata lain, semenjak 1603 lagi, potensi politik dan ekonomi ini telah menarik perhatian pemerintah Siam-Thai di Ayuthia untuk menawan dan memiliki Patani. Patani akhirnya menjadi milik kerajaan Thailand di Bangkok. Namun, pemilikan yang tidak direstui itu telah menjadi titik punca wilayah selatan Thailand bergolak sehingga hari ini.

KEJATUHAN PATANI DAN KERAJAAN THAILAND SEBAGAI PENJAJAH

Pada tahun 1785, Patani ditewaskan oleh pemerintah Siam-Thai di Bangkok. Peristiwa ini dilihat oleh orang Melayu Patani sebagai satu penjajahan dalaman oleh kerajaan Siam-Thai terhadap kerajaan Melayu Patani. Oleh sebab pendudukan Siam ini sebagai satu penjajahan maka berlakulah beberapa siri penentangan terhadap kerajaan ini. Pada tahun 1902, kesultanan Melayu Patani dihapuskan. Patani cuba untuk keluar daripada cengkaman kerajaan Siam-Thai dengan memohon Inggeris untuk menerima menjadi sebahagian daripada negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu. Rancangan ini walau bagaimanapun gagal. Pada tahun 1909, melalui Perjanjian Inggeris-Siam atau Perjanjian Sempadan, kerajaan Siam mendapat pengiktirafan Inggeris atas pendudukannya di Patani. Kejayaan kerajaan Siam-Thai akhirnya telah menghapuskan institusi raja-raja Melayu dan menggantikannya dengan pemerintah yang terdiri daripada orang-orang Siam (Ahmad Fathy, 1944:71-72, 74). Dengan perjanjian ini, Patani menjadi sebahagian daripada negara Siam tanpa kerelaan orang Melayu Patani. Semenjak itu, kerajaan Siam dianggap sebagai kerajaan kolonial yang datang menjajah Patani. Sebelum Patani ditawan oleh kerajaan Siam-Thai pada tahun 1785, Patani terdiri daripada sebuah kerajaan yang luas kawasannya termasuklah di Ulu Perak dan beberapa kawasan di Kelantan. Bermula pada tahun 1816, melalui dasar kolonial, iaitu pecah dan perintah, kerajaan Siam telah membahagikan Patani kepada tujuh negeri kecil. Pada tahun 1906 melalui “Persetiaan Bangkok”, tujuh negeri kecil Patani itu disusun semula menjadi empat negeri, iaitu, Patani, Jala (Yala), Menara (Narathiwat) dan Singgora (Songkhla—sebahagian negeri Patani). Pada tahun 1916, istilah negeri digantikan dengan wilayah atau “*changwad*”. Pada hari ini Patani telah dipecahkan kepada tiga wilayah, iaitu Narathiwat yang bersempadan dengan Kelantan, Yala yang bersempadan dengan Perak dan Kedah di Malaysia dan Patani di utara pantai Timur, Teluk Siam yang dikekalkan tetapi cuma sebuah wilayah kecil yang lebih kurang 25 kilometer panjangnya.

DASAR “MENSIAMKAN” MELAYU PATANI

Dengan dasar pecah dan perintah ini, pengaruh pemerintah Melayu di Patani dilemahkan. Identiti orang Melayu-Islam Patani mula terhakis dengan pelbagai dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan Siam-Thai (seterusnya disebut sebagai kerajaan Thailand). Misalnya, pada tahun 1938, pemerintah kerajaan Thailand yang diketuai oleh Phibun Songgram telah memperkenalkan undang-undang kebudayaan Thai (Thai Rathaniyam) yang dikuatkuasakan pada tahun 1940 (Nik Anuar, 2006:56-57). Objektif undang-undang ini adalah untuk menghidupkan kebudayaan Thai, di samping menyemai budaya Barat untuk semua warganegara Thailand. Pada tahun 1961 Perdana Menteri kerajaan Thailand, Sarit Thannarat berusaha untuk menghapuskan institusi pondok dalam pengajian Islam. Dasar dan sukanan pelajaran kebangsaan diperkenalkan dan guru bahasa Thai dihantar ke sekolah pondok yang sanggup menerima kurikulum daripada dasar baharu ini. Kerajaan Siam melalui kementerian pendidikannya cuba mengambil alih sekolah pondok ini secara beransur-unsur dan menjadikan sekolah Thai-Buddha sepenuhnya. Pada tahun 1968, antara sekolah pondok yang berjaya diambil alih oleh kementerian pendidikan ialah Madrasah Tarqiyah Islamiah di Menara. Akibat daripada pengambilan ini, mata pelajaran yang berkaitan dengan Islam dikurangkan jumlah jamnya dalam seminggu. Beberapa insentif diperkenalkan bagi menggalakkan sekolah pondok menggunakan kurikulum baharu ini seperti subsidi kewangan, biasiswa, bekalan buku dan beberapa kemudahan pendidikan. Hadiah penghargaan diberikan kepada guru yang mengajar bahasa Thai sebagai mata pelajaran penting di sekolah pondok. Dengan perkembangan ini, Melayu Patani melihat kerajaan Thailand menjajah mereka dengan menafikan agama dan kebudayaan mereka. Pendidikan Siam telah dipaksakan terhadap orang Melayu Patani. Dasar kerajaan Thailand yang teguh dengan nasionalisme Siam dengan konsep “bangsa, agama (Buddha Thraveda) dan raja” telah menguatkan lagi cengkaman kerajaan Thailand terhadap agama Islam dan budaya Melayu Patani. Tegasnya, kerajaan Siam di Bangkok berusaha untuk mensiamkan orang Melayu Islam Patani. Reaksi terhadap tekanan yang berterusan dan kuat ini merupakan penentangan terhadap penguasaan kerajaan Thailand yang berpanjangan dengan pelbagai kejadian yang mengorbankan nyawa. Orang Melayu Patani tidak mempunyai pilihan lain selain berjuang menentang gerakan ini.

GERAKAN PENENTANGAN

Terdapat beberapa gerakan penentangan yang cuba menentang dasar siamisasi oleh kerajaan Thailand pada masa sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Gerakan penentangan pertama dan utama diketuai oleh Haji Sulong pada tahun 1940-an dan

1950-an. Haji Sulong merupakan tokoh agama Islam Patani yang membangunkan sekolah agama yang moden yang dikenali sebagai Madrasah al-Maarif al-Wataniah di bandar Patani. Sekolah moden ini yang dijalankan secara sistem kelas dan mempunyai sukan pelajaran serta latihan berkawad bagi pelajarnya. Keadaan ini telah mencurigakan pihak kerajaan Thailand. Lantaran itu, pihak kerajaan Thailand telah mengarah supaya sekolah pondok ini ditutup walaupun baru beroperasi beberapa tahun. Haji Sulong kemudiannya menubuhkan Al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shar'yyah (Lembaga Pelaksana Hukum Shaari'ah) yang bertujuan untuk mengembangkan tenaga pemimpin agama di Patani untuk menyekat ancaman kerajaan Siam bagi mensiamkan orang Melayu Patani (Ahmad Fathy, 1944:86). Haji Sulong tidak boleh menerima campur tangan orang Siam-Thai sebagai pentadbir dalam hal ehwal agama Islam. Haji Sulong bersama-sama temannya telah menghasilkan satu memorandum yang mengandungi tujuh perkara kepada kerajaan Thailand yang antara lain menyarankan diwujudkan autonomi budaya orang Melayu Patani bagi mempertahankan identiti dan sifat-sifat khasnya (Ahmad Fathy, 1994:91; Nik Anuar, 2006:70-77; Mohd Zamperi, 1993:197-98). Namun Pridi yang baru berkuasa semula setelah berlaku rampasan kuasa tentera telah menolak memorandum Haji Sulong dan beliau ditangkap, dan kemudian dibunuh oleh pihak keselamatan. Ekoran penangkapan ini berlaku beberapa siri penentangan yang ganas terhadap kerajaan Thailand pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Pertengahan tahun 1970-an ketegangan memuncak dengan kemunculan gerakan pemisah yang menentang kerajaan Thailand seperti yang dilakukan oleh Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan Patani United Liberation Organization (PULO). Namun kerajaan Thailand dapat menumpaskan gerakan bersenjata ini. Pada tahun 1980-an situasi agak tenang di wilayah selatan Thailand kerana terdapat kesefahaman antara pihak kerajaan Thailand dengan pemimpin Melayu Patani.

Pengaruh Islam dalam perjuangan orang Melayu Patani yang telah ada semenjak dahulu lagi telah melalui fasa baharu kesan daripada perkembangan di Timur Tengah. Perjuangan orang Arab terhadap Barat yang berlandaskan satu ideologi baru yang berkaitan dengan konsep "jihad" dalam Islam turut mempengaruhi orang Melayu Patani. Namun konsep perjuangan radikal orang Arab Islam ini tidak begitu berakar dalam perjuangan orang Melayu Patani kerana perjuangan mereka bercampur baur dengan ideologi lain, iaitu nasionalisme dan budaya. Unsur-unsur ini akan saling mendominasi mengikut perkembangan keadaan sebagaimana mengikut Jay Lamey:

Religion, culture and nationalism have all been drivers of the conflict and it could be said that all still are only adjusting in their relative prominence as time change.

(Lamey, 2014:4)

Menjelang awal abad ke-21, kembali semula siri keganasan di wilayah selatan Thailand seperti serangan terhadap pihak tentera Thailand, pegawai kerajaan, tokoh agama dan orang awam.

WEB/SESAWANG

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, perjuangan Melayu Patani telah bermula sejak ratusan tahun dahulu. Pada hari ini, perjuangan mereka memasuki fasa baharu. Jika kebangkitan bersenjata yang berkaitan dengan Islam melalui konsep jihad tidak memberikan kesan, maka mereka beralih kepada media baharu sebagai wadah untuk berjuang. Melalui media baharu ini, semangat perjuangan itu disalurkan dengan lebih meluas dan cepat. Sehubungan itu, internet yang menjadi asas kepada perkembangan media baharu telah digunakan dengan pelbagai cara tetapi dengan tujuan yang sama, iaitu menjayakan perjuangan yang telah lama bermula tetapi belum berjaya. Semangat perjuangan orang Melayu Patani terhadap penjajahan kerajaan Thailand tidak pernah luntur. Apakah strategi yang digunakan dalam laman web yang dihasilkan mereka untuk memujuk pembaca memahami dan bersimpati dengan perjuangan mereka?

Internet merupakan rangkaian komputer yang berhubungan secara global. Media internet menjadi media yang dominan sekarang dan telah mengatasi media konvensional. WWW atau World Wide Web merupakan antara muka yang mesra pengguna yang membolehkan pengguna melayari internet yang telah wujud semenjak 1990-1991. Sesawang sebagai antara muka mula beroperasi di internet pada tahun 2000. Sejarah sesawang ini bermula dengan Web 1.0 yang kurang aspek interaktif berbanding dengan Web 2.0. Web 1.0 lebih kepada membaca apa yang ada dalam sesawang tetapi dengan Web 2.0, pembaca bukan sahaja membaca tetapi membuat ulasan kepada apa yang dibaca. Web 2.0 telah melahirkan apa yang disebut sebagai *netizen* atau komuniti dalam talian (*online communities*) yang melibatkan laman rangkaian sosial, platform terbitan kendiri dan sebagainya. Dengan Web 2.0 ini muncul produk media baharu seperti blog, You Tube dan twitter. Dengan kata lain, melalui Web 2.0, pada hari ini, sesawang dengan platform digital telah dimajukan dengan pelbagai kemajuan yang menakjubkan dalam bidang komunikasi seperti penggunaan lawan sesawang, laman blog dan sebagainya. Terdapat pelbagai jenis media yang menggunakan sesawang seperti laman sesawang berita (*news website*) yang disunting dan tidak disunting.

Sesawang juga telah mentransformasikan dunia kewartawanan konvensional kepada satu jenis kewartawan yang lebih demokratik seperti kewartawanan sesawang (*web journalism*) atau “*citizen journalism*” dan “*ambient journalism*”

Dalam kewartawanan sesawang, sesawang menjadi alat melapor atau *reporting tool*. Sesawang yang sifatnya interaktif telah menjadikan kewartawanan dalam talian bersifat penyertaan (*participatory*). Kewartawanan dalam talian telah membolehkan *citizen journalism*, iaitu sejenis kewartawanan massa yang bersifat penyertaan dan demokratik, menghasilkan berita dengan lebih berkesan. “*Citizen journalism*” merupakan istilah umum yang merujuk kewartawanan yang menggunakan internet. “*Ambient journalism*” pula kewartawanan massa yang menggunakan perkhidmatan mikro-blogging’ media secara khusus seperti twitter (Herimda, dalam Bruns, 2014:162).

Pelibatan orang ramai dalam penghasilan berita menjadikan penyelesaian konflik secara dari bawah ke atas (*bottom up*) atau daripada akar umbi merupakan pendekatan yang lebih berkesan. Pendekatan daripada akar umbi ini yang digerakkan dengan kewartawanan dalam talian dan *citizen journalism* dapat berfungsi dengan lebih berkesan kerana berita disalurkan dengan lebih cepat melalui penggunaan media digital seperti sesawang dan media sosial seperti You Tube, facebook dan twitter. Satu contoh yang sering ditunjukkan cara kewartawanan talian dan “*citizen journalism*” berfungsi, iaitu peristiwa kebangkitan “Arab Spring” yang bermula di Tunisia dan merebak ke Mesir pada tahun 2011. Gerakan tunjuk perasaan secara besar-besaran ini menuntut keadilan dalam sektor ekonomi dan politik telah digerakkan oleh kewartawanan dalam talian dan “*citizen journalist*”. Media sosial, seperti You Tube, facebook, twitter dan blog menjadi alat untuk bertukar-tukar maklumat secara global yang kemudiannya menjadi motivasi politik untuk mempengaruhi rakyat untuk bangkit dan melakukan tunjuk perasaan secara besar-besaran (http://www.sourcwatch.org/index.php?title=Arab_Spring). Demikianlah kuasa dan peranan media baharu dalam membakar semangat penunjuk perasaan dalam peristiwa “Arab Spring”.

STRATEGI RETORIK

Apakah fungsi sesawang? Menurut Gauntlett dan Horsley (2004:14), sesawang menawarkan ruang dan peluang untuk manusia mengekspresikan diri mereka dalam bentuk produk media. Bentuk media itu pelbagai, seperti laman sesawang dan media sosial. Sesawang juga menyatukan manusia dan membentuk komuniti maya tanpa mengira sempadan geografi. Melalui sesawang manusia berkomunikasi secara dalam talian yang berlaku sama ada secara langsung (*real time*) ataupun tidak. Sesawang juga mempunyai potensi untuk membentuk komuniti maya yang memiliki kecenderungan yang sama seperti kecenderungan politik dengan cara memujuk. Memujuk dalam konteks retorik menjadi salah satu unsur penting produk media

digital seperti laman blog (web blog). Apakah yang dimaksudkan dengan retorik? Definisi yang terkenal adalah seperti yang berikut:

Rhetoric may be defined as the faculty of observing in any given case the available means of persuasion. ... rhetoric we look upon as the power of observing the means of persuasion on almost any subject presented to us; and that is why we say that, in its technical character, it is not concerned with any special or definite class of subjects.

(Aristotle, 2014:2)

Memujuk memerlukan strategi yang tertentu supaya pemujukan itu berkesan. Aristotle membahagikan strategi retorik kepada tiga, iaitu:

The man who is to be in command of them must, it is clear, be able (1) to reason logically, (2) to understand human character and goodness in their various forms, and (3) to understand the emotions—that is, to name them and describe them, to know their causes and the way in which they are excited.

(Aristotle, 2014: 2).

Dengan kata lain, admin hasil media seperti laman blog dan laman sesawang mempunyai strategi tertentu untuk mempengaruhi pembaca, iaitu logik (logos), karektor atau imej yang bercakap (etos) dan mengerakkan emosi pembaca (patos). Admin laman blog atau laman sesawang boleh menggunakan ketiga-tiga strategi retoriknya untuk memujuk pembaca laman sesawang mereka.

Apabila membincangkan sesawang sebagai alat perjuangan dalam menyelesaikan konflik politik seperti di wilayah selatan Thailand, cara ini membawa beberapa masalah yang perlu difikirkan. Apakah bentuk media yang digunakan melalui sesawang dan banyak mana penggunaannya? Apakah kesan penggunaan media melalui sesawang kepada perjuangan orang Melayu Patani? Sejauh manakah media daripada sesawang dapat dicapai oleh orang Melayu Patani dalam konteks ekonomi dan infrastruktur komunikasi mereka yang lemah? Adakah pihak berkuasa, iaitu kerajaan Thailand bersikap terbuka atau mengawal penggunaan internet di kawasan yang berkonflik ini? Makalah ini tidak dapat meneliti semua permasalahan yang dinyatakan ini. Namun satu kajian awal telah dilakukan untuk mengkaji pendekatan dari bawah ke atas yang menggunakan sesawang sebagai alat melapor dalam melanjutkan lagi perjuangan Melayu Patani mendapatkan hak mereka. Kajian ini akan meneliti sesawang yang digunakan dengan melakukan analisis tekstual yang

meliputi tiga jenis penelitian, iaitu analisis diskusif dan retorikal, analisis struktural dan analisis budaya (Schneider dan Foot, 2004). Menurut Gauntlett dan Ross (2004: 30-31), dalam kajian sesawang (*Web studies*), terdapat empat konsep, iaitu kelajuan, kesampaian, interaktiviti dan anonimiti. Kelajuan dan kesampaian menyebabkan komunikasi oral dan tulisan lebih berkesan. Interaktiviti berlaku kerana sesawang mempunyai pautan yang membolehkan pembaca dapat berinteraksi dengan pautan tersebut. Komunikasi secara talian ini juga tanpa identiti yang sempurna bagi beberapa sebab seperti keselamatan dan peribadi, serta mengundang pembaca untuk terlibat dengan laman atau blog sesawang yang lain.

Laman Blog Patani Darussalam Merdeka

Apakah itu laman blog (weblog)? Menurut Gauntleet dan Ross (2004:11), laman web merupakan rakaman pemikiran, ketakjuban dan pengalaman seseorang admin sesuatu laman blog tersebut. Laman ini pula selalu dikemas kini.

Laman blog “Patani Darussalam Merdeka” merupakan laman blog (weblog) yang didaftarkan di Malaysia. Sebagaimana laman blog yang lain, laman blog ini bukan sahaja sebagai platform untuk menyampaikan pendapat dan ulasan, tetapi digunakan juga untuk menyampaikan berita. Laman blog ini memuat naik beberapa esei yang memperkatakan pembunuhan, letusan bom, penderaan dan sebagainya di selatan Thailand. Antara esei yang dimuat naik itu termasuklah esei yang bertajuk “Hari-hari adalah Takbai”, yang dimuat naik pada 23 Jun 2014.

Melalui ruang “blog archive” pembaca blog ini dapat mengakses segala isi kandungan yang ada, bermula pada awal laman blog ini dihasilkan hingga pada hari ini, kecuali jika adminnya telah memadamkannya.

Laman blog “Patani Darussalam Merdeka” merupakan laman blog persendirian yang diusahakan oleh individu tertentu. Walau bagaimanapun, identiti sebenar individu tersebut tidak dapat dikenal pasti kerana tiada maklumat yang tepat diberikan. Tidak ada nama dan fotonya. Admin blog ini hanya memberitahu lokasinya, iaitu di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang. Namun, blog ini amat aktif dan sentiasa dikemas kini isi kandungannya.

Selain esei, laman blog Patani Darussalam Merdeka juga memuat naik berita yang tertumpu pada keadaan semasa yang berlalu di sekitar wilayah selatan Thailand seperti berita tentang kereta perisai tentera Thai kena letusan bom. Selain berita, laman blog ini juga mengandungi foto tentang kejadian, seperti pembunuhan, kemalangan, penyeksaan dan sebagainya yang melibatkan Melayu Patani dan pihak keselamatan Thailand. Antara foto tersebut seperti dalam Rajah 2.



Rajah 1 Laman web blog “Patani Darussalam Merdeka” (<http://pattanimerdeka.blogspot.com/>).

Foto yang berkaitan dengan pembunuhan kejam di Takbai telah dimuat naik dalam laman blog ini dengan strategi retorik patos, iaitu apabila admin blog ini berusaha untuk mempengaruhi emosi pembaca untuk bersimpati dengan mangsa dan marah dengan pihak berkuasa dengan menggunakan foto yang bersifat provokatif ini.

About me	
Gender	Male
Industry	Consulting
Occupation	Homeopathician
Location	Bukit Mertajam, Penang, Malaysia
Introduction	I'm a journalist.
Interests	Traveling and reading
Favorite Books	Management, history, literature, philosophy and religion



Rajah 2 Foto dalam laman web blog “Patani Darussalam Merdeka” (<http://pattanimerdeka.blogspot.com/>).

Laman blog “Patani Darussalam Merdeka” juga memaparkan bahan yang dimuat naik dalam blog ini yang paling banyak dibaca oleh pembaca seperti yang digambarkan dalam Rajah 3. Ruangan “popular post” menunjukkan bahan yang paling banyak kali dibaca oleh pembaca blog ini. Berdasarkan data daripada “popular post”, bahan yang paling banyak dibaca berkisar tentang kekejaman yang diperlakukan oleh pihak keselamatan Thailand terhadap Melayu Patani. Bahan yang paling banyak dibaca menunjukkan bahawa strategi retorik yang bersifat provokatif yang bertujuan untuk mempengaruhi emosi pembaca oleh admin lawan blog ini ada kesannya. Strategi retorik “patos” yang memancing emosi pembaca dikonkritkan dengan pemilihan kata-kata dalam slogan laman blog “Patani Darussalam Merdeka”. Kata-kata itu termasuklah seperti, darah, air mata, Islam, malang dan Palestine. Kata-kata yang digunakan dalam slogan ini memancing emosi pembaca.

Laman blog “Patani Darussalam Merdeka” juga menyampaikan maklumat kepada pembacanya, misalnya jumlah pengeboman yang berlaku di empat daerah



Rajah 3 Pembaca dalam laman web blog “Patani Darussalam Merdeka” (<http://pattanimerdeka.blogspot.com/>).

di selatan Thailand yang berjumlah 320, antara 1 Januari hingga 22 Disember 2013. Pemaparan angka ini merupakan strategi retorik “logos”, iaitu apabila fakta digunakan untuk mempengaruhi pembaca. Dalam konteks ini angka ini bertujuan untuk mempengaruhi persepsi pembaca bahawa betapa berbahayanya pihak berkuasa selatan Thailand. Tentera atau kumpulan penyokongnya mempunyai keupayaan untuk melakukan letupan bom yang mengorbankan ramai yang tidak berdosa.

Seterusnya, laman blog ini juga mengandungi puisi yang disumbangkan oleh pembaca yang tidak mempunyai identiti. Antara puisi tersebut termasuklah “Wilayah yang Menjanjikan Syahid”:

Wilayah ini masih dijajah oleh Siam.

Wilayah ini kedamaian masih jauh berbalam-balaman.

Setiap hari ada kematian

Setiap hari ada letupan.

“Amatlah ganjil bagi wilayah ini jika tiada letupan dan pembunuhan dalam sehari”. Begitulah kata seorang sarjana Barat.

PATANI DARUSSALAM MERDEKA

LIMA WILAYAH UMAT ISLAM DI THAILAND SELATAN YANG SENTIASA DIRUNDUNG MALANG DAN SEAKAN-AKAN DILUPAKAN OLEH DUNIA LUAR. PATANI DARUSSALAM TIDAK AKAN TEGAK TANPA DARAH DAN AIRMATA. DAN DI SINI ADALAH PALESTIN KEDUA

Rajah 4 Slogan yang memancing emosi pembaca dalam laman web blog “Patani Darussalam Merdeka” (<http://pattanimerdeka.blogspot.com/>).



Rajah 5 Statistik pengeboman yang berlaku di Patani 2013.

Di wilayah ini siapa sahaja yang mahu menegakkan Islam

Esoknya sudah tiada baginya.

Di wilayah ini siapa sahaja yang bercakap tentang keadilan pasti diekori oleh orang yang berbaju preman.

Di wilayah ini siapa sahaja yang bercakap tentang keamanan dia bakal diamankan.

Maksudnya, puisi ini menjelaskan betapa tidak amannya wilayah Patani ini dengan segala macam keganasan yang dicetuskan pihak berkuasa Thailand. Sesiapa yang berjuang untuk kebebasan beragama Islam dan berfikiran kritis akan dihapuskan. Puisi merupakan medium bagi strategi retorik “patos” yang berkesan untuk memancing emosi pembaca agar marah dan benci kepada pihak pemerintah Thailand yang bertanggungjawab terhadap kecelakaan yang terjadi.

Sasaran sesebuah blog adalah luas. Namun, bagi laman blog “Patani Darussalam Merdeka”, sasarannya terhad kerana hanya menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasinya. Oleh itu, pengunjungnya tertumpu pada negara berbahasa Melayu seperti Malaysia, Indonesia dan selatan Thailand yang dapat membaca dan memahaminya. Namun, mereka yang boleh berbahasa Melayu di negara lain seperti di Finland juga boleh membacanya .

Analisis budaya pula, memberikan tumpuan terhadap hubungan hiperpautan (*hyperlink contact*) dalam laman blog ini. Pembaca boleh memaut eseji-esei yang terdapat dalam arkib (*archive*). Pautan yang terdapat dalam laman blog bersifat dalaman dan tidak ada pautan di luar laman blog ini.

Sebagai sebuah laman blog yang bersifat interaktif, pembaca blog ini dapat memberikan komen terhadap kandungan yang dimuat naik. Selain itu, pembaca dapat berinteraksi dengan admin dan pembaca yang lain. Namun, pembaca blog ini tidak langsung memberikan respons terhadap kandungan yang ada walaupun pengunjungnya sudah melebihi 57 000. Hal ini menimbulkan kehairanan mengapaakah pembaca tidak memberikan respons kepada isi kandungan laman blog ini? Adakah respons itu dikawal oleh admin bagi mengelakkan respons pembaca yang terlalu provokatif sehingga boleh mengancam keselamatan admin? Adakah hal ini juga ada hubungan dengan keterbatasan pembaca khususnya Melayu Patani di selatan



Rajah 6 Pengunjung yang boleh berbahasa Melayu boleh membaca dan memahamiya termasuk pembaca dari Finland.

Thailand untuk mengakses internet dan seterusnya laman sesawang ini. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk mengetahui hal ini.

Laman Blog “Pejuang Kecil”

Laman blog “Pejuang Kecil” telah memuat naik sebuah esei yang membincangkan kekejaman pihak berkuasa kerajaan Thailand terhadap orang Melayu Patani. Esei yang terdapat dalam laman blog menyatakan bahawa pada 25 Oktober 2004, bulan Ramadan, telah terjadi pembunuhan kejam terhadap Melayu Patani. Dalam peristiwa berdarah ini 78 orang Melayu Patani telah terkorban akibat tindakan tentera Thai. Yang berikut merupakan petikan daripada makalah khas yang diberi judul ‘Memperingati Peristiwa Berdarah (Takbai)’ yang terdapat dalam laman blog ini:

Peristiwa menyayat hati ini telah didahului enam bulan sebelumnya dengan satu peristiwa sedih, iaitu pembunuhan kejam beramai-ramai di Masjid Kerisek. Kedua-kedua peristiwa ini ada persamaannya, iaitu tentera Thai bertindak dengan niat untuk membunuh semua ummat Islam Melayu yang hadir di lokasi peristiwa tersebut. Strategi yang terancang ini adalah sebahagian dari kempen “Pembersihan Etnik” penjajahan Thailand terhadap ummat Melayu Islam Pattani.

Peristiwa kekejaman Kerajaan Penjajah Thailand terhadap ummat Islam Pattani ini adalah setara dengan tindakan zalim Serbia terhadap bangsa Bosnia dan Zionis Yahudi terhadap rakyat Palestin. Penindasan dan kekejaman ini bukan sahaja berlaku di Kerisek dan Tak Bai bahkan berlaku setiap hari tetapi akhbar-akhbar di Thailand dan Malaysia dilarang membuat liputan luas mengenainya. Hanya berita-berita kematian orang Siam sahaja yang menjadi fokus supaya masyarakat dunia menghukum Islam yang bertanggungjawab. Bermula dari peristiwa-peristiwa sedih inilah tercetus kembali kebangkitan ummat Islam Pattani secara besar-besaran.

Usaha memuat naik esei tersebut dalam blog ini menunjukkan wujudnya strategi retorik “patos” yang bertujuan untuk mempengaruhi emosi pembaca terhadap apa yang berlaku di wilayah selatan Thailand, iaitu orang Melayu Patani telah dibunuh dengan kejam melalui bukti-bukti bergambar.

Seterusnya, pendekatan perbandingan yang digunakan dalam esei ini dengan membuat rujukan yang spesifik, iaitu pembunuhan kejam di Takbai itu dengan pembunuhan kejam rakyat Palestine oleh tentera Yahudi dan kekejamanan tentera Serbia terhadap rakyat Bosnia yang beragama Islam, bertindak sebagai satu strategi retorik “logos”. Dengan kata lain, perbandingan ini menguatkan lagi strategi retorik “logos” dalam laman sesawang apabila fakta sejarah telah digunakan untuk



Rajah 7 <http://najhie.blogspot.com/2008/10/memperingati-peristiwa-berdarah-takbai.html>.

mempengaruhi emosi sedih, marah dan benci pembaca kepada pihak berkuasa di selatan Thailand.

Laman Blog- “Minda Besi”

Laman blog Minda Besi merupakan blog peribadi yang dimiliki oleh seseorang dari daerah Patani. Blog ini mengandungi pelbagai puisi yang dikarangnya sendiri. Puisi yang dikarangnya menyentuh pelbagai dimensi dirinya dan isu yang berkaitan dengan perjuangan Melayu Patani.


Puisi yang terdapat dalam blog ini menonjolkan persoalan yang berkaitan dengan perjuangan Melayu Patani. Namun, penyebaran agak terhad kerana pengikut blog ini hanya terdiri daripada kenalan penulis. Hal ini terbukti apabila, ruangan komen yang terisi dengan pujian berbentuk simplistik dan diikuti bertanya khabar antara

satu sama lain sahaja. Yang berikut beberapa petikan daripada puisi yang bertajuk “Penjara Jalanan Langkasuka”:

Langkasuka
di jaring-jaring kota
di daerah yang kini rawan
hilang diragut dendam-dendam
musuh atas nama perjuangan
jadi benci demi kematian
keliru atau kerana TUHAN

.....

Langkasuka
hanya tinggal
bilangan hipokrasi misteri
terhijab di celah-celah lalang



Rajah 8 Laman blog Minda Besi (<http://www.duwenk.blogspot.com/>).

dendam zaman-berzaman

.....

Selamatkan Kota ini
mohon cahaya atas cahaya;
TUHAN lebih mengerti
Minda Besi
Langkasuka, Yala

Sumber: <http://www.duwenk.blogspot.com/2013/01/penjara-jalanan-langkasuka.html#comment-form>

Melalui puisi ini penulis menyatakan bahawa perjuangan Melayu Patani yang berpanjangan ini merupakan kesan daripada dendam di kedua-dua belah pihak. Sejarah kegemilangan Langkasuka telah hancur kerana dendam. Langkasuka telah menjadi mangsa kepada dendam yang telah lama disimpan; kebebasan yang dulu dinikmati kini sudah hilang semuanya dan pembangunan yang diimpikan hilang ditelan rasa permusuhan yang berpanjangan. Isi kandungan puisi ini jelas memperlihatkan penulis puisi ini cuba mempengaruhi emosi pembaca puisi dengan menggunakan strategi retorik “etos”, iaitu menyedarkan pembaca puisi ini (khususnya mereka yang seagama dengan Melayu-Patani) tentang tanggungjawab agama mereka sebagai umat Islam untuk berdoa supaya diberi kejayaan dalam perjuangan dan mengembalikan kegemilangan mereka. Puisi seterusnya bertajuk “Peradaban???:

Apa kata kau,
jika langit menangis,
persis darah yang tiris,
dari haloba tangan-tangan massa,
merebut isi dunia
jadi bebola angin
terbang kosong
di tengah kota manusia

meledak kuasa
menendang kekalahan
percaturan dicipta.
jadinya; peradabankan?

Sumber: <http://www.duwenk.blogspot.com/2013/12/peradaban.html>

Puisi ini kelihatan lebih umum berbanding dengan puisi “Penjara Jalanan Langkasuka”. Walau bagaimanapun, jika dihalusi masih ada kaitan dengan permasalahan Melayu Patani yang ditindas oleh pemerintah Siam-Thai. Penulis melihat kuasa politik mengaburi nilai kemanusiaan. Dalam konteks orang Melayu Patani, kuasa politik yang rakus daripada pihak pemerintah telah menjadikan mereka hidup melarat dan terpinggir.

Penulis cuba mempengaruhi pembaca agar berfikir bagaimana manusia yang mengaku bertamadun bertindak kejam terhadap manusia yang lain? Dalam rangka konflik antara Melayu Patani dengan kerajaan Thailand, orang Siam-Thai umumnya mengakui mereka lebih bertamadun berbanding dengan Melayu Patani, namun mereka melakukan pembunuhan. Maka, apakah erti tamadun yang mereka pegang? Di sini, strategi retorik “logos,” digunakan penulis untuk mempengaruhi pembaca. Namun, sejauh manakah pembaca umum faham tentang makna puisi ini. Oleh itu, apresiasi pembaca kepada puisi ini agak terhad dan impaknya pasti juga kurang.

Puisi-puisi yang telah diteliti dalam laman blog ini tidak langsung menarik pembaca untuk memberikan respons, mungkin ada puisi yang terlalu umum dan sukar untuk dikaitkan dengan permasalahan yang dihadapi oleh Melayu Patani. Namun ada juga puisi yang jelas dan terang maksudnya tetapi masih tidak ada respons daripada pembaca dalam laman blog ini. Jika merujuk strategik retorik “logos” yang diterapkan oleh penulisnya, kesannya jelas meleset. Hal ini mungkin kerana penggunaan puisi bukannya strategi retorik yang ampuh untuk berjuang berbanding dengan perjuangan bersenjata. Mungkin juga akses Melayu Patani kepada blog ini juga sangat terhad.

Laman Sesawang “Deepsouth”

Laman sesawang Deepsouth diuruskan oleh pertubuhan yang dikenali sebagai Deep South Watch. Maklumat mengenai laman sesawang ini diperlihatkan dalam petikan berikut yang diambil daripada laman sesawang ini:

Deep South Watch (established in 2006) is a platform organization based at Prince of Songkla University Pattani Campus in southern Thailand, working as a lattice or decentralized network with an emphasis on creating a “common space” or “platform” in mobilization of peace in areas of violent conflict, in this case, the deep south provinces of Thailand or Patani. Deep South Watch tries to create a facilitating political space for various parties in the conflict to present their diverse roles in a setting with adequate safety, while creating public discourse for all stakeholders to discuss and find an exit from the mentioned violent conflict through different practice-based instruments. The aims of these practices are not only to create a realistic and comprehensive understanding of the conflict, but it is also expected that these practices will help to lessen the justification for use of violence from all parties to the conflict and create opportunities for negotiation without arms and coercion. In other words, the aim of Deep South Watch is to use non-violent means to constructively transform the conflict.

Laman sesawang Deepsouth merupakan pendokumenan tentang usaha badan yang bernama “Deepsouth” untuk mengatasi konflik antara Melayu Patani dengan pihak berkuasa Thailand. Badan ini bertindak untuk menyediakan ruang politik bagi pelbagai pihak yang berkepentingan supaya mengurangkan penggunaan kekerasan daripada semua pihak demi mengatasi konflik yang berlaku. Berdasarkan hubungan laman sesawang ini dengan institusi kerajaan maka dapat dinyatakan bahawa laman sesawang ini lebih cenderung kepada kerajaan Thailand.

Laman sesawang Deepsouth dibangunkan berdasarkan tiga modul, iaitu, modul komunikasi awam, informasi pengetahuan dan mobilisasi masyarakat. Ketiga-tiga modul ini menunjukkan bahawa laman sesawang Deepsouth merupakan laman sesawang yang berorientasikan akademik. Komunikasi yang diwujudkan bersifat dua hala antara rakyat khususnya Melayu Patani dengan pemerintah atau pihak yang berkuasa dalam ruang perbincangan dan permuafakatan. Laman sesawang ini juga menyatakan bahawa badan yang memilikinya mahu laman ini bertindak sebagai pangkalan data bagi tujuan penyelidikan yang digunakan untuk mencari penyelesaian kepada konflik yang berlaku. Dalam konteks strategi retorik logos, laman sesawang ini cuba mempengaruhi pembaca untuk berfikir secara objektif tentang permasalahan Melayu Patani. Pandangan seperti ini cuba dikenakan kepada pembaca melalui analisis yang objektif untuk memujuk pembaca laman ini memahami sebab dan akibat perjuangan Melayu Patani dengan bijaksana dan bukan secara emosional.

Dalam menjayakan strategi retoriknya, admin laman sesawang ini telah menggunakan tiga bahasa, iaitu, bahasa Thai, Melayu dan Inggeris. Namun, bahasa



Rajah 9 Laman web “Deepsouth” (<http://www.deepsouthwatch.org/>).

Thai mendominasi laman sesawang tersebut. Bahasa Melayu dan Inggeris hanya diberikan tempat atau ruang yang kecil. Mungkin admin laman sesawang ini percaya ramai pembacanya boleh berbahasa Thai dan mahu mereka dapat lebih memahami isu sebenar konflik yang berlaku. Dua ruangan telah dikhaskan untuk bahasa Melayu dan Inggeris yang dinamakan sebagai “Melayu Field” dan “English Field”. Kedua-dua ruangan ini mempunyai pelbagai makalah yang menyentuh pelbagai isu di wilayah selatan Thailand. Hal ini dapat dilihat melalui laman hadapan laman sesawang tersebut.

Strategi retorik “logos” jelas menjadi strategi utama laman sesawang ini. Berita yang dimuat naik dalam laman sesawang ini sememangnya sentiasa dikemas kini dan tertumpu pada keadaan semasa yang berlaku di wilayah selatan Thailand. Laman sesawang ini mempunyai pelbagai penulisan atau makalah. Makalah yang dihasilkan menyentuh pelbagai isu. Misalnya, isu konflik, bahasa, sejarah dan sebagainya. Makalah ini ada yang ditulis sendiri oleh pihak Deepsouth atau dihantar oleh pihak lain seperti, “An Inconvenient Truth about the Deep South Violent Conflict: A Decade of Chaotic, Constrained Realities and Uncertain Resolution” oleh Srisompob Jitpiromsri, Center for Conflict Studies and Cultural Diversity (CSCD), Deep South Watch (DSW), “How can a peace process be taken forward” oleh DeepSouthWatch and “Proses Damai Patani Mendapat Lampu Hijau” oleh Abu Hafez al-Hakim.

Foto yang dimuat naik dalam laman sesawang ini berbeza daripada laman sesawang lain yang berkaitan dengan keadaan di selatan Thailand. Imej dalam laman sesawang Deepsouth tidak berbentuk provokatif tetapi memperlihatkan keadaan “*feeling good*” di sebalik konflik yang ada. Bahkan terdapat ruangan khas untuk imej dimuat naik, iaitu ruangan “Deep South Photo Journalism” Network.

Dalam konteks analisis budaya, didapati bahawa laman utamanya bertindak sebagai asas hiperpautan kepada halaman yang lain. Pengunjung harus meneliti dengan baik bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan, seperti laman sesawang lain, laman Deepsouth juga meletakkan berita, makalah dan aktiviti terkini di halaman hadapan.

Corak sasaran laman sesawang Deepsouth meluas. Hal ini dibuktikan apabila terdapat ruangan “English Field” yang membolehkan pembacaan di seluruh dunia. Selain itu, terdapat juga pautan untuk ruangan laman sosial yang dimiliki Deepsouth. Laman sosial ini amat terkenal dan digunakan hampir semua penduduk dunia.

Laman sesawang ini mempunyai pelbagai hiperpautan yang membolehkan pengunjung mendapatkan berita mengenai wilayah selatan Thailand. Laman ini mesra pengguna, terdapat pelbagai ciri yang ditawarkan kepada pengunjungnya. Selain itu, laman sesawang ini juga berbentuk interaktif, iaitu pengunjung dapat memberikan makalah kepada admin untuk disiarkan. Selain itu, ruangan untuk maklum balas juga disediakan kepada pengunjung. Laman sesawang ini dihasilkan dengan reka bentuk terkini.



Rajah 10 Laman imej “*feeling good*” yang cuba dibentuk dalam ruangan Deepsouth melalui foto-foto yang dimuat naik.

Dengan kata lain, analisis yang dilakukan, menunjukkan strategik retorik “logos” dibina dengan baik oleh admin laman sesawang ini. Makalah yang dimuat naik mempunyai perbincangan yang objektif yang melihat sesuatu isu itu dari aspek pro dan kontranya. Imej Melayu Patani telah dibina dengan teliti dan memperlihatkan kelainan daripada laman sesawang yang lain. Unsur provokatif tidak dimasukkan tetapi perkara mengenai konflik selatan Thai masih diketengahkan untuk dibincangkan secara objektif. Keadaan ini sesuai dengan laman sesawang ini dibina oleh satu institusi pendidikan tinggi Thailand, iaitu Prince of Songkla University, kampus Pattani di selatan Thailand. Namun bolehkah laman sesawang ini benar-benar berkesan dengan strategi retorik “logos” yang bersifat akademik apabila institusi ini juga bertanggungjawab kepada pihak pemerintah yang dilihat oleh Melayu Patani sebagai penjajah? Pembaca Melayu Patani berpendapat laman sesawang ini berat sebelah dan memihak kepada pemerintah. Maka mereka tidak percaya kepada laman sesawang ini.

Laman Blog – Pertubuhan Kebajikan Aman Patani Malaysia (Aman Patani)

Laman sesawang yang berkaitan dengan Melayu Patani bukan sahaja dibina oleh Melayu Patani atau orang Thai yang lain tetapi juga oleh mereka dari luar Thailand yang simpati dengan perjuangan orang Melayu Patani. Antaranya termasuklah, Pertubuhan Kebajikan Aman Patani Malaysia (AMANI MALAYSIA). Pertubuhan ini merupakan pertubuhan yang berdaftar di Malaysia di bawah naungan Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Pulau Pinang (PUMPP). Pertubuhan tersebut bergerak secara aktif untuk menyalurkan bantuan, sokongan padu dan membangunkan kesedaran umat Islam sedunia terhadap isu konflik Melayu Patani. Melalui laman blog, pertubuhan ini telah memuat naik pelbagai laporan aktiviti yang dijalankan, berita semasa dan video serta gambar mengenai konflik yang berlaku di wilayah selatan Thailand untuk dilihat oleh ahlinya atau pengunjung lain amnya. Selain itu, terdapat kandungan berbentuk sastera yang dimasukkan dalam blog ini.

Pelbagai kandungan terdapat dalam blog Aman Patani seperti laporan aktiviti pertubuhan, berita semasa, makalah, video, puisi dan cerpen pendek. Penulis setiap kandungan ini juga tidak terhad kepada ahli persatuan sahaja tetapi terbuka kepada sesiapa sahaja. Sebuah cerpen telah dimuat naik ke laman blog ini.

Cerpen ini bertajuk “Satu Senja di Prince Songkhla University Patani” membincangkan kejatuhan Patani ke tangan Siam oleh angkara seorang pembelot yang bernama Nai Can Thong seorang pegawai istana kepercayaan Sultan Muhammad. Daripada cerpen ini, penulis menyampaikan mesej supaya berhati-hati dengan pembelot yang mungkin terdiri daripada orang yang dipercayai. Penulis



Rajah 11 Halaman depan laman blog Aman Patani (<http://amanpattani.blogspot.com/>).

berhasrat Melayu Petani belajar daripada sejarah, berfikir dan mengambil iktibar daripadanya. Penulis menegaskan supaya sejarah pahit jangan berulang lagi.

Selain cerpen pendek, blog Aman Patani juga menyiarluar puisi. Antaranya termasuklah puisi yang bertajuk “Tanah Pusaka yang Terluka”.

Salah satu bait dalam puisi tersebut menyatakan:

Nenek!
Bila orang merampas hak kita
Adakah salah kami menuntut balik hak kami....?
Langit dan mentari mengetahui itu hak kami

Posted by AMANI MALAYSIA at 3:13 PM No comments: Links to this post

8+1 recommendations on Google

Labels: Thailand bentara Malaysia

Suatu Senja Di 'Prince of Songkhla University' Patani

Petang itu aku di 'Prince of Songkhla University' kampus Patani. Anak muda yang aku hendak berjumpa ini adalah lepasan universiti. Dia graduan dalam bidang sains sosial dan berhasrat hendak membuat sarjana atau master kata orang sekarang di Universiti Sains Malaysia. Aku sempat bertanya kepada jiranku seorang Prof. Madya di Universiti Sains Malaysia. Katanya boleh. Universiti mengiktiraf kelulusan mereka.

Anak muda yang berusia 25 tahun pernah bekerja sebagai seorang guru tetapi kemudiannya meninggalkan jawatan itu kerana soal diskriminasi. Dia lebih suka bekerja sendiri. Dengan modal yang ada ditangan dia memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Dia sudah biasa hidup susah. Bapanya meninggal ketika dia berusia 6 bulan.

Menurut ibunya, bapanya ditembak oleh orang yang bersenjata waktu malam, selepas solat. Dia dipelihara oleh ibunya. Ibunya kemudian berkahwin lagi. Dia bersyukur kerana mempunyai bapa tiri yang baik. Selepas bapa tirinya meninggal dunia, dia menjadi tonggak keluarga. Segala perbelanjaan untuk ke sekolah sehingga ke universiti diusahakan sendiri. Anak muda yang berkultus sawo matang ini berasal dari wilayah Narathiwat yang diletakkan di undang-undang tentera. Di wilayah ini banyak memakan korban. Peristiwa hitam di Takbai, 25 Oktober, 2004. Waktu itu dia masih belajar lagi.

Petang itu aku sempat bertanya dia tentang Nai Can Thong. Aku yakin dia tahu tentang Nai Can Thong. Aku memang sudah tentang Nai Can Thong. Aku cuma perlukan maklumat tambahan tentang orang ini.

Sebelum ini aku pernah melihat dan membaca kisah kertas anak muda ini. Temyata isinya cukup baik dengan carta yang berwarna-warni, perangkaan yang terkin. Cuma kelemahan dari segi bahasa sahaja. Aku kira ini perkara bagi anak-anak di Ujung Selatan yang tertakluk dibawah sistem Siam.

Temyata Nai Can Thong masih mempunyai keturunannya di Negara Gajah Putih ini. Nai Can Thong adalah pegawai istana kerajaan Sultan Muhammad Patani. Nai Can Thong berketurunan Siam Ligor dan menjadi orang kepercayaan Sultan Muhammad. Tapi sayang Nai Can Thong menjadi pembelot. Dia membocorkan rahsia pertahanan Patani kepada Phraya Kalahum panglima perang Siam.

Tentera penjajah Siam telah berjaya menawan Patani dan seluruh wilayah Patani ditakluki pada bulan November 1780.

Inilah sejarahnya. Kata guruku, "Perangai manusia tetap sama. Ada yang baik. Ada yang jahat." Akupun teringatlah cerita saudaraku dari seberang tambak Johor. Patutlah anak Melayu di Temasik tidak boleh menjadi pilot pesawat pejuang di negara itu. Pemimpin Temasik mungkin telah belajar daripada kesilapan Sultan Muhammad.

Oleh TS Kembara

Rajah 12 Sebuah cerpen pendek yang ada dalam blog AMANI.

Kami hanya menuntut hak kami

Oleh Hay bin Yazan

Sumber: <http://amanattani.blogspot.com/2014/01/nenek-oh-nenek.html>

Puisi bebas ini menjelaskan bahawa Melayu Patani telah dijajah oleh pemerintah Thailand semenjak lama dulu. Mereka merintih tentang nasib malang yang menimpa. Melayu Patani masih menaruh harapan untuk merdeka daripada penjajahan tersebut. Mereka masih terus menuntut hak mereka. Generasi sekarang masih mengharap Melayu Patani bebas daripada cengkaman penjajah. Oleh sebab laman sesawang ini dikendalikan oleh admin dari Malaysia maka nada provokatifnya jelas pada puisi-puisi yang dimuat naik seperti melabelkan kerajaan Thailand sebagai penjajah yang menjajah Melayu Patani sejak dahulu lagi. Strategi retorik “patois” jelas digunakan untuk mempengaruhi emosi marah dan benci pembaca terhadap pihak berkuasa Siam-Thai yang dianggap sebagai perampas hak Melayu Patani.



Rajah 13 Pautan video klip (termasuk puisi multimedia) yang terdapat dalam laman blog Aman Patani.

Seterusnya, dipaparkan beberapa rangkap daripada sebuah puisi yang bertajuk “Pattani; Sebuah Palestina di Nusantara”:

Kukira Syeikh Yassin kan melaung,
Dari kekuatan suara yang entah datang dari mana,
“Kamu bangsa-bangsa Malaysia-Indonesia,
Memaki kebodohan bangsa Arab,
Yang menjadi boneka pada Yahudi,
Yang meratah bangsa kami Palestina,
Namun tika bangsa Pattani,
Terseksa, dizalimi, hilang arah,
Kamu menjadi buta,
Sesungguhnya aku mungkin buta mataku,
Namun kamu telah buta hatimu

Oleh M. Nizam Mahshar

Sumber: <http://amanpattani.blogspot.com/2010/08/pattani-sebuah-palestina-di-nusantara.html>

Puisi ini merupakan sindiran kepada orang Melayu di Nusantara seperti di Malaysia dan Indonesia yang tinggal bersempadan ataupun berhampiran dengan wilayah selatan Thailand. Mereka lebih peka dengan keadaan yang berlaku di Palestin berbanding apa-apa yang berlaku di selatan Thai. Penulis membandingkan keadaan yang berlaku di Palestine tidak berbeza daripada hal yang terjadi di wilayah selatan Thailand. Penulis begitu bersemangat membina identiti Melayu Patani sedang dijajah, menderita dan perlu dibantu. Beliau berpendapat bahawa Melayu Patani merupakan satu bangsa dan satu agama dengan orang Melayu di Malaysia dan Indonesia. Maka beliau menggesa mereka membantu Melayu Patani yang sedang diburu dan dibunu oleh pemerintah Thailand yang tidak berbeza daripada serangan Yahudi terhadap rakyat Palestin. Dalam konteks strategi retorik “etos”, penulis puisi ini menggunakan contoh spesifik, iaitu Palestin sebagai rujukan untuk memperlihatkan sikap umat Islam di Malaysia dan Indonesia yang dekat dengan Melayu Patani tetapi tidak peka dengan apa yang terjadi kepada Melayu Patani di



Rajah 13 Pautan video klip (termasuk puisi multimedia) yang terdapat dalam laman blog Aman Patani.

wilayah selatan Thailand. Emosi pembaca yang membaca laman sesawang akan terusik dan melalui strategik retorik etos, pembaca yang sebangsa dan seagama dengan Melayu Patani dipujuk untuk lebih sensitif dengan konflik Melayu Patani yang dilupakan.

Seterusnya diturunkan beberapa rangkap daripada puisi yang bertajuk “Bumi yang Kucintai”:

Adikku tersungkur di rumah Allah,
Abangku syahid di hamparan sejadah,

Sahabatku gugur bersama al-Quran di genggaman,
Ayahku rebah ketika bangkit tuntut keadilan,
Siapakah yang akan menuntut bela?
Aku? Tetapi Mampukah aku?

.....

Kami berdiri di simpang tiga,
Kanan kami menuju kemenangan,
Kiri kami syahid di jalan Tuhan,
Mengundur ke belakang tidak pernah kami fikir,
Walau selangkah, tidak mungkin kami lakukan,
Api jihad selamanya tak mungkin akan terpadam,
Selagi Fathoni belum mendapat kebebasan,

Sumber: <http://amanpattani.blogspot.com/2010/05/puisi-bumi-yang-kucintai.html>

Puisi ini merakamkan peristiwa pembunuhan terhadap Melayu Patani oleh pihak berkuasa Thailand yang terjadi di Masjid Kerisek atau Krue Se pada 28 April 2004 di Patani, manakala di Masjid al-Furqan pada 8 Jun 2008 di Narathiwat, di selatan Thailand. Penulis berpendapat bahawa mereka yang terkorban di tangan tentera Siam-Thai itu sebagai syahid. Penulis membina identiti Melayu Patani sebagai orang yang berada dalam ketakutan di kelilingi penjajah yang sentiasa memburu mereka. Mereka tidak mendapat pertolongan dari luar untuk menentang penjajah ini. Mereka tidak memiliki senjata seperti tentera Thai untuk menentang penjajah itu. Hanya kepada Tuhan dipohon restu dan perlindungan. Perjuangan mesti diteruskan dan perjuangan ini meminta pengorbanan bukan sahaja harta benda tetapi juga nyawa. Perjuangan ini perlu diteruskan dan Patani perlu dibebaskan dan perjuangan secara Islam dituntut dengan konsep jihad dan mati syahid sahaja yang mampu dilakukan. Jihad dan mati syahid hanya menjadi alternatif kepada perjuangan untuk penjajah yang telah lama menjajah dan alternatif ini bersandar pada pengaruh peristiwa penentangan rakyat Palestin terhadap Yahudi. Penulis menggunakan strategi retorik “etos” dengan merujuk Islam sebagai satu kuasa kepercayaan untuk mengajak umat Islam menjalankan tanggungjawab jihad dalam perjuangan mereka menentang penjajah Patani. Sumber: <http://www.youtube.com/watch?v=bt3w2YpvS54>

Laman blog Aman Patani telah berjaya mengeksploitasi segala kegunaan yang terdapat dalam laman blog bagi menyampaikan maklumat mengenai masyarakat Patani. Hal ini terbukti apabila isi kandungan yang dipaparkan terdiri daripada pelbagai jenis dan tidak terhad kepada satu jenis sahaja. Blog AMANI mempunyai pengikut atau *followers* yang tetap, walau bagaimanapun mereka tidak memberi respons terhadap kandungan yang dimuat naik oleh admin. Setiap *post* tidak mempunyai sebarang komen atau sebarang bentuk perbincangan dan kemungkinan puisi beliau ini kurang diminati oleh pembaca.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sejarah perjuangan Melayu Patani di wilayah selatan Thailand menentang pemerintahan Thailand telah bermula semenjak abad ke-16 lagi. Setelah kesultanan Melayu Patani dihapuskan, penentangan terhadap pemerintahan Thailand dianggap sebagai penentangan terhadap penjajah. Pelbagai usaha untuk mengatasi konflik ini dilakukan tetapi tidak berjaya. Pendekatan bersenjata telah digunakan, begitu juga dengan pendekatan perundingan, tapi konflik masih berterusan dari semasa ke semasa. Dengan adanya media digital maka perjuangan mereka juga turut berubah. Penggunaan laman sesawang telah menjadi satu lagi mekanisme bukan sahaja bagi Melayu Patani tetapi juga pihak pemerintah untuk mencari pengaruh dan kuasa. Strategik retorik “logos”, “etos” dan “patos” telah digunakan oleh pemilik laman sesawang itu untuk mempengaruhi pembaca bagi menyokong fikiran dan pendapat mereka. Selain eseи, beberapa media lain digunakan seperti foto dalam melaksanakan strategi retorik mereka. Unsur interaktiviti juga terdapat dalam laman sesawang yang dikaji kerana ada disediakan hiperpautan. Keadaan ini menunjukkan usaha untuk sampai kepada pembaca telah difikirkan secara serius. Puisi-puisi yang diteliti cenderung menggunakan strategi “patos” untuk mempengaruhi pembaca melalui rangsangan emosi. Laman sesawang yang lebih profesional pengurusannya dan cenderung kepada pemerintah menggunakan strategi retorik “logos” sebagai strategi retorik utama kerana mereka mahu dilihat sebagai tidak emosional dan logik serta tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak. Kajian sesawang ini merupakan kajian awal dan terdapat beberapa aspek yang perlu dilakukan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Ahmad Fathy al-Fatani, 1944. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
Aristotle, 2014. *Rhetoric* (translated by W. Rhys Roberts). South Australia: eBooks@
Adelaide, <https://ebooks.adelaide.edu.au/a/aristotle/a8rh/>, Diakses pada 6 Sept. 2014.

- Brunns, Axel, 2014. "Social Media and Journalism During Times of Crisis" dlm. Hunsinger, Jeremy dan Senft, Theresa (ed.). *The Social Media Handbook*. New York: Routledge.
- Gauntlett, David dan Horsley, Ross (ed.), 2004. *Web. Studies*. Second Edition. London: Arnold.
- http://www.sourcewatch.org/index.php?title=Arab_Spring. (Capaian 23 Ogos 2014)
- <http://www.youtube.com/watch?v=bt3w2YpvS54> (Capaian 29 Ogos 2014).
- <http://amanpattani.blogspot.com/2010/05/puisi-bumi-yang-kucintai.html> (Capaian 20 Ogos 2014).
- <http://amanpattani.blogspot.com/2010/08/pattani-sebuah-palestina-di-nusantara.html> (Capaian 20 Ogos, 2014).
- <http://amanpattani.blogspot.com/2014/01/nenek-oh-nenek.html> (Capaian 20 Ogos 2014).
- <http://amanpattani.blogspot.com/> (Capaian 20 Ogos 2014).
- Jay. "Psychological Warfare and Media" <http://jaysanalysis.com/2011/05/18/psychological-warfare-and-media/>. (Capaian 28 April 2015).
- <http://www.deepsouthwatch.org/> (Capaian 3 Sept. 2014)
- <http://www.duwenk.blogspot.com/2013/12/peradaban.html> (Capaian 24 Ogos 2014).
- <http://www.duwenk.blogspot.com/2013/01/penjara-jalanlangkasuka.html#comment-form> (Capaian 24, Ogos 2014).
- <http://www.duwenk.blogspot.com/> (Capaian 24 Ogos 2014).
- <http://najhie.blogspot.com/2008/10/memperingati-peristiwa-berdarah-takbai.html> (Capaian 25 Ogos 2014).
- <http://pattanimerdeka.blogspot.com/> Diakses pada 20 Ogos, 2014
- http://www.sourcewatch.org/index.php?title=Arab_Spring (Capaian 23 Ogos 2014).
- Ibrahim Syukri, 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lamey, Jay, "Peace in Patani? The Prospect of a Settlement in Southern Thailand" dlm. *Stability: International Journal of Security & Development*, 2(2):33, hlm. 1-7, DOL, 2013.
- Melvin, Neil J., 2007. "Conflict in Southern Thailand. Islamism, Violence and the State in the Patani Insurgency" dlm. *SIPRI Policy Paper No. 20*, Sipri (Stockholm Internatioanl Peace Research Insitute), Sept. 2007, hlm. 1-40, http://books.sipri.org/product_info?c_product_id=355 (Capaian 5 Sept. 2014).
- Mohd. Zamberi A. Malek, 1993. *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi Nik Anuar Nik Mahmud, 2006. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schneider, Steven M. dan Foot, Kirsten, 2004. "The Web as an Object of Study" dlm. *New Media & Society* hlm. 1-10, <http://nms.sagepub.com/content/6/1/114> (Capaian 30 Ogos, 2014).
- Ungpakorn, Giles Ji, "Thailand: The Bloody Civil War in Patani and the Way to Achieve Peace" dlm. *LINKS International Journal of Socialist Renewal*, hlm. 1-8, 2014.